

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

HGM 332 - Geografi Ekonomi

Tarikh: 16 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

1. Kegiatan pertanian melambangkan keadaan persaingan yang agak sempurna, akan tetapi masih wujud keping-keping ladang yang mempunyai saiz yang berbeza. Ulaskan paradoks ini dengan merujuk kepada contoh-contoh di Malaysia.
2. Bidang geografi ekonomi pada asasnya berkait rapat dengan idea-idea penyusunan ruang, pertumbuhan sistem ekonomi dan guna serta salah guna sumber bumi oleh manusia. Bincangkan kebenaran pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang munasabah.
3. Bincangkan pernyataan 'Sumber bukanlah sesuatu yang tersedia, dia dijadikan sumber'.
4. Tulis nota-nota mengenai tiga(3) yang berikut:
 - (a) Peluang-peluang Mencelah (Intervening Opportunity)
 - (b) 'Threshold' dan 'Range'
 - (c) Sewa lokasi
 - (d) Aksesibiliti
 - (e) Pemilikan dan Pengawalan dalam Geografi Ekonomi
5. Bincangkan pendekatan yang patut dilaksanakan bagi perancangan sistem pengangkutan dalam ruang sosio-ekonomi. Sokong hujah-hujah anda dengan contoh yang sesuai.

6. Dengan merujuk kepada rancangan pembangunan wilayah di Malaysia, nilaiakan peranannya terhadap pembasmian masalah kemiskinan di luar bandar.
7. Bincangkan ciri-ciri utama dan pola perdagangan antarabangsa. Apakah tekanan-tekanan semasa terhadap perdagangan negara-negara sedang membangun.

-00000000-